

# Ekspo APK 12 UMS lahir siswa kreatif dan inovatif

NST 9.5.2015 6

KOTA KINABALU: Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) kali ke-12 yang berlangsung di perkarian perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mampu melahirkan daya kreativiti dan inovasi mahasiswa UMS.

Bertemakan ‘Inspirasi. Idea. Inovasi’, sejumlah 128 penyertaan gerai oleh pelajar-pelajar dengan setiap gerai menjual serta memperkenalkan hidangan dan kraf tangan yang kreatif dan menarik.

Salah seorang pelawat luar negara yang mengunjungi ekspo APK itu memuji usaha para pelajar yang bertungkus-lumus menjayakan program tersebut.

Beliau yang hanya mahu dikenali sebagai Jane berkata, pameran berkonsepkan keusahawanan itu bukan sahaja dapat membantu meneguhkan pengetahuan pelajar terhadap il-

mu keusahawanan, malah dapat menggalakkan idea keusahawanan yang baharu dalam kalangan pelajar, selain memberi peluang kepada mereka mengalami cara dan masalah yang akan dialami semasa menjalankan aktiviti perniagaan dan pengurusan.

“Ekspo ini bukan sahaja membantu menyediakan peluang bagi para pelajar untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan malah mampu membina sebuah platform jalinan komunikasi dan pertukaran idea antara pelajar dengan orang ramai,” jelasnya.

Ekspo APK adalah acara tahunan pelajar UMS yang bermatlamat memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan selain memupuk budaya keusahawanan melalui pengalaman dalam penyertaan ekspo.



LAWAT ... Jane (tengah), pelawat dari China yang turut mengambil kesempatan melawat ekspo APK UMS.